BERJAYA SOMPO INSURANCE

SOMPO MotorSafe

Kenderaan Persendirian Polisi Komprehensif

Berjaya Sompo Insurance Berhad adalah ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance atau PIDM (layari **www.pidm.gov.my**)

Apakah produk ini?

Perlindungan komprehensif untuk kereta persendirian anda yang menawarkan tiga (3) pelan jarak tempuh berbeza untuk memenuhi keperluan penggunaan kenderaan anda, dengan premium yang berpatutan. Setiap Polisi SOMPO MotorSafe disertakan dengan SOMPO Tag, peranti berkuasa bateri dengan keupayaan Bluetooth yang memberi bantuan keselamatan sekiranya kereta anda menghadapi kerosakan atau semasa kecemasan.

SOMPO MotorSafe meliputi kehilangan atau kerosakan kepada kereta anda akibat kemalangan, kebakaran dan kecurian, dan pihak ketiga kecederaan, kematian, atau kerosakan harta benda jika anda melakukan perjalanan dalam jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan*. Jika anda melebihi jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan*, anda hanya diliputi pihak ketiga kecederaan, kematian, atau kerosakan harta benda. Manfaat lain termasuk:

- ✓ **Perlindungan untuk Semua Pemandu**
- ✓ **Khidmat Auto Assist 24-jam**
- ✓ **Kos Menunda Tanpa Had**
- ✓ **Waranti Pembaikan untuk tempoh 12 bulan**
- ✓ **Perlindungan Bencana Khas**

Walau bagaimanapun, anda boleh menambah pelan jarak tempuh semasa anda ke tahap yang seterusnya atau pelan jarak tempuh sepenuhnya untuk terus menikmati Perlindungan Komprehensif dan bukannya Perlindungan Pihak Ketiga.

*Jarak Tempuh Tambahan: Tambahan 500km setahun dimasukkan secara automatik ke pelan jarak tempuh diperuntukkan komprehensif anda sebelum tamat tempoh insurans.

Siapa yang layak membeli SOMPO MotorSafe?

Pemegang polisi Individu dan Syarikat boleh membeli SOMPO MotorSafe dengan syarat usia kenderaan adalah 1 tahun dan ke atas dengan amaun diinsuranskan melebihi daripada RM20,000.

Kenapa pilih SOMPO MotorSafe?

Tiga (3) pelan jarak tempuh yang berbeza dengan premium yang berpatutan:

Pelan	Pelan Jarak Tempuh	Diskaun (berbanding dengan SOMPO Motor)
Pelan A	0 hingga 5,000km	Sehingga 50%
Pelan B	0 hingga 10,000km	Sehingga 40%
Pelan C	0 hingga 15,000km	Sehingga 20%

Ilustrasi:
Buatan/model kenderaan: Honda Civic 1.8S
Usia kenderaan: 1 tahun
Amaun Diinsuranskan: RM109,000
Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD): 55%
Usia Pemegang Polisi: 35 tahun

Jenis Pelan	Pelan A	Pelan B	Pelan C	SOMPO Motor
Jarak tempuh (km)	0 hingga 5,000km	0 hingga 10,000km	0 hingga 15,000km	Tanpa Had
Jumlah Premium*** (RM) (Sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem)	RM911.44	RM1,093.73	RM1,458.30	RM1,822.88
Penjimatan (%) berbanding dengan SOMPO Motor	50%	40%	20%	Tidak berkenaan

*****Jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza bergantung pada pelan jarak tempuh yang dipilih, amaun diinsuranskan untuk kenderaan, kapasiti enjin, buatan dan model, kelayakan NCD, dan syarat pengunderaitan kami.**

Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan (ST)	8% daripada premium

Ia disertakan dengan SOMPO Tag bagi membantu anda dan orang tersayang anda sekiranya berlaku kecemasan.

Apakah SOMPO Tag?

SOMPO Tag adalah peranti berkuasa bateri dengan keupayaan Bluetooth yang dihubungkan kepada aplikasi SOMPO MotorSafe. Ia mudah dipasang di dalam kenderaan anda dan memberikan bantuan keselamatan sekiranya berlaku kerosakan kereta atau kecemasan dengan menekan butang selama 2 saat. Ia juga mempunyai ciri yang akan mengingatkan anda untuk menambah nilai pelan jarak tempuh anda. Aplikasi SOMPO MotorSafe boleh dimuat turun di Apple App Store atau Google Play Store.





SOMPO Tag

adalah peranti berkuasa bateri dengan keupayaan Bluetooth yang dihubungkan kepada aplikasi SOMPO MotorSafe

Apakah manfaat SOMPO Tag?

✓ **bCall: Butang kecemasan untuk mendapatkan bantuan**

- Anda hanya perlu menekan butang selama 2 saat untuk meminta bantuan sekiranya berlaku kerosakan atau kecemasan.

✓ **eCall: Amaran Kemalangan Automatik & Respon Kecemasan untuk kemalangan teruk**

- Pengecaman Pemandu Automatik: Sistem dapat mengesan kemalangan teruk melalui telefon pintar anda. Sekiranya kemalangan berlaku, talian bantuan kami akan hubungi anda untuk memberi bantuan.

✓ **Amaran Pemanduan Selamat – Memupuk amalan memandu yang baik**

- Jangan hantar Teks apabila Memandu. Anda akan menerima amaran “bip” dalam masa nyata jika anda menghantar teks apabila memandu melebihi 20km/j.

Bagaimanakah pemasangan SOMPO Tag berfungsi?





Langkah 1:

Tanggalkan pelekat di bahagian belakang **SOMPO Tag**.

Langkah 2:

Letakkan **SOMPO Tag** dalam kereta anda – ia boleh diletakkan di papan pemuka dalaman kereta atau di kotak gear anda. Pastikan ia senang dicapai oleh anda.

Langkah 3:

Hidupkan **SOMPO Tag** dengan menekan dan memegang butang sehingga anda mendengar 3 bunyi 'bip'. Ini bermakna ia sudah siap dipasang!

Bagaimana untuk hubungkan SOMPO Tag anda ke aplikasi SOMPO MotorSafe di telefon anda?







Langkah 1:

Muat turun aplikasi **SOMPO MotorSafe** dari **Apple App Store** atau **Google Play Store**.

Langkah 2:

Log masuk ke aplikasi, hidupkan **Bluetooth** telefon anda dan pastikan semua kebenaran diterima.

Langkah 3:

Apabila anda klik pada "**Found SOMPO Tag**", status aplikasi akan berubah menjadi "**Connected**", anda akan menerima pemberitahuan dan mendengar bunyi 'bip'.

Manfaat pilihan lain yang anda mungkin ingin beli dengan membayar premium tambahan:

- ✓ Perlindungan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari
- ✓ Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang****
- ✓ Pampasan “NCD” Tahun Semasa
- ✓ Pengecualian daripada Penambahbaikan "Betterment” (hanya terpakai untuk kenderaan berumur tidak melebihi 15 tahun)
- ✓ Tambah Nilai Jarak Tempuh Tahap Seterusnya (Eksklusif untuk SOMPO MotorSafe)
- ✓ Tambah Nilai Jarak Tempuh Sepenuhnya (Eksklusif untuk SOMPO MotorSafe)

******Nota: Adalah menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang bagi motor insurans anda.**

Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti kematian anda sendiri atau kecederaan tubuh akibat kemalangan motor atau liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Polisi ini.

Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Soalan Lazim (FAQ) SOMPO MotorSafe yang boleh didapati di laman web kami di www.berjayasompo.com.my. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Motor, sila rujuk kepada buku panduan Info Insurans mengenai ‘Insurans Motor’ yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh hubungi pejabat cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-2170 7300 pada waktu beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (Isnin – Jumaat) atau hubungi nombor Bebas Tol kami di 1-800-889-933.

Notis Privasi

Data Peribadi yang disediakan dan dikumpulkan dari anda akan digunakan dan diproses oleh kami untuk memberikan perkhidmatan kami mengikut Notis Privasi kami, yang menerangkan bagaimana kami menggunakan Data Peribadi anda. Sila rujuk kepada Notis Privasi kami yang boleh didapati di laman web kami di www.berjayasompo.com.my untuk maklumat lanjut. Anda boleh menghubungi kami untuk mendapatkan atau mengemas kini Data Peribadi anda atau untuk sebarang pertanyaan atau maklum balas.

Brosur ini bukan kontrak insurans. Huraian dalam brosur ini hanyalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Sila rujuk kepada **Lembaran Pendedahan Produk (LPP)** untuk maklumat lanjut, dan **Susunan Kata Polisi** untuk butiran penuh terma dan syarat Polisi, yang boleh didapati di www.berjayasompo.com.my. Jika terdapat perbezaan diantara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Ditaja jamin oleh Berjaya Sompo Insurance Berhad (No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)). Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

BERJAYA SOMPO INSURANCE

Pusat Khidmat Pelanggan
Berjaya Sompo Insurance Berhad
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank
105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Tel.	: 603-2170 7300
Fax	: 603-2170 4800
Talian Bebas Tol	: 1-800-889-933 (Dalam Malaysia)
E-mel	: customer@bsompo.com.my
Laman Web	: www.berjayasompo.com.my

Hubungi kami untuk maklumat lanjut.

(MSafe 03/24)